



## KPT rai atlit IPT cemerlang 2011

**K**EMENTERIAN Pengajian Tinggi (KPT) akan merai atlit dari Institusi Pengajian Tinggi (IPT) yang memamer kecemerlangan sepanjang 2011 termasuk 58 pemenang pingat - semua warna - pada Sukan SEA di Palembang dan Jakarta, November lalu.

Majlis Anugerah Kecemerlangan Sukan Kementerian Pengajian Tinggi 2011 itu akan berlangsung di Putrajaya, Isnin ini. Menteri Pengajian Tinggi, Datuk Seri Mohamed Khaled Nordin, akan menyampaikan insentif berkenaan.

Perenang berirama, Katrina Ann Abd Hadi (**gambar**), 20, penuntut tahun akhir Program Matrikulasi Antarabangsa Kanada di Kolej Sunway, antara yang paling mewujudkan di Palembang apabila meraih lima pingat emas menerusi semua lima acara yang dipertandingkan bergandingan dengan Shareen Png.

Menerusi kejayaan luar jangkaan itu, Katrina turut menerima biasiswa penuh daripada Kolej Sunway sebelum ini.

Selain Katrina, empat lagi rakan sepasukannya, Lee Zhien Huey, Yeo Pei Ling, Tan May Mei, ketigatiga dari Universiti Putra Malaysia (UPM) dan Mand Yeap Mun Xin dari Universiti Sains Malaysia (USM), turut cemerlang dengan masing-masing meraih tiga emas berpasukan menerusi tiga acara.

'Jelitawan' terjun, Leong Mun Yee (UPM) serta Olimpian, Cheng Chu Sian (memanah-UPM) dan Bryan Nickson Lomas (terjun-UM), masing-masing meraih dua emas.

Manakala Mahalli Jasuli (UPM) satu-satunya atlit IPT dari sukan bola sepak yang muncul juara di Jakarta.

Selain wang tunai, atlit cemerlang juga akan menerima gajet elektronik serta baucer buku.

Setiausaha Bahagian Sukan KPT, Dr Saharudin Ismail, berkata majlis berkenaan turut merangkumi tiga segmen utama iaitu pelancaran Jurnal Penyelidikan Sukan KPT dan Sistem e-Jurnal serta penyampaian geran penyelidikan kepada penyelidik terpilih tahun lalu selain penyerahan biasiswa sukan kepada atlit IPT.

Dalam pada itu lebih 50 atlit elit IPT pula bakal menerima insentif di bawah Skim Insentif dan Penyelidikan Sukan (SKIPS).